

'Kesederhanaan' Menurut Kefahaman Masyarakat Buddha Di Pasir Puteh, Kelantan

HALIMAHTUL SA'DIYAH MOHAMAD¹

JAFFARY AWANG²

ABSTRAK

Kesederhanaan ialah melakukan sesuatu secara pertengahan, tidak melampau dengan erti kata lain mengamalkan sesuatu amalan tanpa rasa terpaksa dan terbeban. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsep 'sederhana' yang difahami oleh masyarakat Buddha dalam melakukan amalan yang dituntut oleh agama mereka. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif dengan melakukan temu bual dan menganalisis teks yang diperolehi melalui jurnal, tesis dan buku. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat Buddha Pasir Puteh telah mengamalkan kehidupan secara sederhana mengikut fahaman dan analogi sendiri terhadap ajaran Buddha.

Kata kunci: *Kesederhanaan, amalan, Buddha, Pasir Puteh*

ABSTRACT

Moderation is 'to avoid extreme' in other word extreme means the act of going beyond the normal or acceptable limit. The objective of this research is to identify the moderate concept that had been understood by the Buddha community in carry out their religious duty. Interviewed and texts analysis from journals, thesis and books been done in the form of qualitative as a methodology research. As a result, they found that the based on their understanding and analogy of Buddha.

Keywords : Moderation, practice , Buddha , Pasir Puteh

Pengenalan

Kesederhanaan merupakan aspek penting yang perlu diterapkan dalam kehidupan kerana amalan yang diamalkan secara sederhana memberi kesan positif dalam kehidupan beragama dan kehidupan harian. Dalam konteks ini, kesederhanaan sesebuah amalan bergantung pada individu yang mengamalkannya dengan cara yang tidak terlalu ekstrim dan tidak terlalu lemah. Berdasarkan fahaman masyarakat Buddha Pasir Puteh kehidupan tidak perlu terlalu

1 Halimahtul Sa'diyah binti Mohamad, Pelajar Sarjana Pengajian Islam, UKM, citra7832@gmail.com


2 Jaffary bin Awang, Ph.D, Pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM, jaffary@ukm.edu.my

mewah dan amalan yang diamalkan tidak perlu rasa terbebani. Ini bermakna melakukan sesuatu mengikut kemampuan tanpa rasa terpaksa. Ironinya, adakah cara pengamalan terhadap kepercayaan beragama dan amalan harian menunjukkan seseorang penganut betul-betul menghayati konsep sederhana dalam beramal sebagaimana harapan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mengatakan, "dengan mengamalkan sikap yang sederhana, rakyat akan sentiasa rasional dan tidak mudah dipengaruhi oleh emosi ketika melalui detik-detik sukar dalam hubungan antara agama" (Utusan Malaysia. 2010. 24 Disember). Oleh itu, bagaimanakah 'sederhana' yang dimaksudkan oleh masyarakat Buddha Pasir Putih dalam menterjemahkan tuntutan ajarannya ke dalam kehidupan harian mereka.

Metodologi

Reka bentuk kajian ini berbentuk kualitatif. Data berbentuk kualitatif diperoleh daripada temu bual dan dokumen. Kaedah temu bual berstruktur telah digunakan dalam kajian ini. Antara golongan yang ditemu bual ialah ketua agama Buddha (*Bikkhu*) di wat Kg.Ketik Buloh, Semerak, beberapa penganut Buddha dan orang perseorangan yang difikirkan signifikan. Laporan yang diperoleh diterjemah kepada bentuk transkrip sebelum dianalisis. Berikut adalah rajah 1 yang menunjukkan proses analisis data kualitatif.

Rajah 1: Proses Analisis Data Kualitatif



Sumber: Ubahsuai daripada Chua Yan Piaw 2014

Rajah 1 di atas menunjukkan empat proses menganalisis data kualitatif. Transkrip data kualitatif seterusnya dikod untuk membentuk subtema dan tema seterusnya perhubungan antara tema dikenal pasti selaras dengan objektif kajian (Chua Yan Piaw 2014).

Konsep Kesederhanaan Dalam Agama Buddha

Penganut Buddha mempunyai pandangan tersendiri terhadap konsep 'sederhana' dalam mempraktik ajaran agama yang dianuti. Menurut fahaman penganut ajaran yang dibawa oleh Buddha adalah tidak membebankan kerana bergantung pada cara beramal seseorang penganut. Dalam konteks ini untuk mencapai tahap kesederhanaan dalam beramal memerlukan latihan dan riadah setiap masa. Penganut perlu mempunyai kefahaman kenapa mereka melakukan sesuatu perkara dan mempraktik amalan sehingga boleh memberi kesedaran bahawa apa yang dilakukan mendatangkan kebaikan.

Dalam konteks ini kita dapat melihat apakah yang dimaksudkan dengan sederhana? Sederhana menurut Kamus Dewan (2007) bermaksud tidak lebih dan tidak kurang; pertengahan saja; sedang;. sederhana . Bersinonim dengan biasa, tidak lebih tidak kurang, bersahaja, sedang, pertengahan, tidak keterlaluan, berpatutan. Manakala kata terbitan: menyederhanakan, kesederhanaan, sederhana: tidak banyak selok-beloknya; tidak sulit; mudah:; sederhana menyederhanakan menjadikan sederhana (tidak keterlaluan). Sederhana: kesederhanaan hal atau keadaan sederhana (Kamus Pelajar Online).

Merujuk kepada pendefinisian ini sederhana menunjukkan sesuatu yang pertengahan dan tidak keterlaluan. Ini bermakna sederhana juga sesuai dengan seimbang. Seimbang dalam semua perkara termasuklah amalan.

Oleh itu, amalan merujuk kepada perbuatan yang baik-baik, perbuatan yang biasa dilakukan; kebiasaan (Kamus Pelajar Edisi Kedua Online). Amalan; sesuatu yang dilakukan sebagai suatu kebiasaan (Kamus Dewan Edisi Keempat Online).

Menurut definisi yang dinyatakan dalam kamus dapatlah difahami bahawa sederhana adalah sesuatu yang tidak membebankan kepada sesebuah amalan. Dalam konteks ini amalan yang dipraktikkan secara sederhana mendatangkan kebaikan kepada pengamalannya. Berhubung dengan perkara ini, kesederhanaan amalan adalah sesuatu yang dilaksanakan sebagai suatu kebiasaan secara seimbang.

Merujuk kepada perkataan lain yang memberi maksud lebih kurang sama dengan perkataan 'sederhana' adalah perkataan 'wassatiyyah'. Azyati Azhani et al.(2013) telah memetik definisi 'wassatiyyah' yang dikemukakan oleh Ahmad Omar melalui bukunya *Moderation in Islam*, 'wassatiyyah' ialah apa-apa yang berada di tengah supaya tidak ada satu pun yang berlebihan atau melampau. Ini bermakna bukan menokok tambah atau terlalu keterlaluan dan bukan juga berlebih-lebihan. Justeru itu, 'wassatiyyah' adalah sesuatu yang dilakukan tidak terlalu ekstrim dengan mengada-adakan apa yang tiada, iaitu melakukan sesuatu perkara secara sederhana boleh mendatangkan kebaikan.

Dalam hal ini, menurut Buddha,... *'The Middle Way is a life lived between the extremes of self-denial and self-indulgence. Neither hedonist nor ascetic are to be imitated, for the Noble Eightfold Path weaves its way through life avoiding both these unenlightened lifestyles. To see the world in the light of the Buddha dharma is to have Right view, not only recognizing the suffering that is caused by desire, but also the Path that leads to the ending of all such suffering, based in the Right Intention to let go of lust, ill-will, and cruelty'* (Themiddleway.net).

Berhubung dengan kenyataan di atas, 'jalan tengah' yang dimaksudkan oleh Buddha adalah hidup secara sederhana. Bukan bermaksud menolak keinginan hawa nafsu dan terlalu mengikut nafsu. Namun dalam hal ini, penganut masih perlu percaya bahawa nafsu adalah nikmat yang paling agung dan melakukan pertapaan bukan jalan penyelesaian, akan tetapi menjalani kehidupan dengan niat yang betul supaya dapat membebaskan diri daripada hawa nafsu, niat yang tidak baik dan tidak melakukan kekejaman. Dengan ini, dunia akan melihat Buddha adalah sebuah ajaran yang benar, bukannya jalan menuju penderitaan.

Dalam konteks ini, kehidupan yang seimbang ini telah ditunjukkan dalam Buddha antaranya dengan cara mempraktikkan lima perkara yang boleh melatih mental dan fizikal mencapai kesederhanaan, iaitu dengan saling memahami antara satu sama lain dan mewujudkan kasih sayang sejati, menjaga kesihatan, membuat perubahan serta membahagiakan diri sendiri dan mencari kebahagiaan di dunia. Untuk melatih diri supaya wujud kesedaran secara sederhana perlulah kesedaran secara intrinsik yang akan membantu untuk membuang sikap diskriminasi, tidak bertoleransi, mengelak kemarahan, ketakutan dan berputus asa (Thich Nhat Hanh 1998).

Elemen-elemen seperti perasaan saling memahami antara satu sama lain, saling menyayangi, sihat, melakukan perubahan dan membahagiakan diri adalah merupakan aspek penting dalam mencapai hidup yang sederhana.

Merujuk kepada temu bual bersama Bikkhu Manum a/l Ehrap April 2014 menurutnya "Gautama mengatakan kita perlu mengambil jalan tengah sepertimana bunyi gitar agar tidak terlalu tegang dan tidak terlalu kendur untuk menghasilkan bunyi yang lunak didengar". Menurut Bikkhu lagi jalan tengah yang diambil tidak ada paksaan, akan tetapi mesti dilakukan tanpa rasa terpaksa.

Analogi yang diberi oleh Bikkhu tentang Gautama yang berinspirasi daripada sebuah gitar yang menghasilkan bunyi yang ditentukan oleh kedudukan talinya menarik minat pengkaji, apakah analogi tersebut menjadi penanda aras bagi masyarakat Buddha berpegang kepada teori-teori tersebut sehingga menganggap ajaran Buddha adalah sebuah ajaran yang sederhana.

Rentetan daripada itu, penganut diberi pilihan dalam mengamalkan '*sila*' yang terdiri daripada 227 perkara untuk *Bikkhu*, 5 '*panca sila*' atau 8 '*atta sila*' untuk orang awam dan kepada yang berumur belum mencapai 21 tahun ada 10 perkara yang mereka tidak boleh lakukan mengikut kemampuan dan kecenderungan penganut yang difikirkan sesuai untuk diamalkan. Menurut Bikkhu lagi walaupun ajaran Buddha kelihatan mudah dan mempunyai pilihan tetapi amalan ini masih sukar untuk dilaksanakan oleh penganutnya.

Secara umumnya, dapatlah dilihat bahawa pandangan Buddha untuk mencapai kesedaran secara seimbang perlulah melakukan sesuatu tanpa rasa terpaksa dan dipaksa dalam melaksanakan tuntutan dalam ajaran Buddha dan kehidupan seharian.

Menurut Bikkhu (2014) lagi sederhana adalah mengikut jalan tengah, iaitu sentiasa ada kesedaran di dalam diri. Melakukan sesuatu perkara ada masa untuk berfikir serta wujud kesabaran di hati penganut. Bikkhu juga menyatakan Gautama Buddha telah mencuba semua perkara dengan melalui jalan susah yang ekstrim, beliau merasakan perkara ini tidak betul kemudian melalui jalan yang terlalu longgar pun beliau merasakan perkara yang sama,

akhirnya Gautama mengambil jalan tengah yang sederhana barulah Gautama mendapat pencerahan.

Bikkhu melihat kehidupan pertengahan adalah mempunyai kesedaran dan memberi ruang kepada diri untuk berfikir dengan erti kata fikir mana yang baik dan buruk dengan mengawal perasaan agar sentiasa sabar dalam semua perkara. Bagaimanakah jalan susah yang dilalui Gautama dan bagaimana pula jalan mudah yang dilalui beliau sehingga beliau memikirkan apakah jalan yang sepatutnya beliau lalui.

Menurut Davids (1999), Buddha telah memilih jalan tinggal di hutan selama enam tahun dengan menyiksa diri dan menderitakan badannya, Gautama tidak mendapat apa-apa melainkan merasakan perbuatan yang sia-sia sehinggalah memilih kehidupan normal. Selepas itu, Gautama mendapat pencerahan ketika berada di bawah pokok *bodhi*. Pengkaji melihat kesederhanaan yang dibawa Gautama adalah satu bentuk untuk menekankan aspek moral kepada penganut Buddha dengan mengambil kira pelbagai sudut tanpa ada unsur-unsur melampau.

Fenomena Kehidupan Beragama Masyarakat Buddha Pasir Puteh

Masyarakat Buddha Pasir Puteh terdiri daripada Siam dan Cina. Menurut Bikkhu (2014) orang-orang Siam kebanyakan tinggal di kampung yang dikenali sebagai 'kampung Siam' yang terletak di Semerak, Bukit Yong, Kampung Nara Bukit Tok Cik. Manakala orang-orang Cina tinggal di bandar Pasir Puteh dan pinggir pekan. Kesemua penganut Buddha datang ke wat (ketik) di Semerak kecuali penganut yang tinggal berhampiran dengan Bachok akan pergi ke rumah ibadat di Bachok.

Mengikut sumber, Pasir Puteh adalah jajahan pertama kemasukan Siam di Kelantan, iaitu di Kampung Ketik Nangka, Semerak (Baan Samooraj). Mereka dikatakan berasal dari Sukhotai, Bangkok yang datang atas perintah raja supaya mencari gajah putih yang hilang dan tidak boleh pulang jika tidak menemuinya. Walau bagaimanapun, wat di Kampung Ketik Nangka telah dipindahkan ke Kampung Ketik Buloh yang terletak berhampiran dengan Kampung Ketik Nangka. Dan di dalam *Wat Phu Thahtak Sin*, Kampung Ketik Buloh pula terdapat sebuah bangunan tua yang dikatakan telah dibina lebih dari 300 tahun (Rogayah Estar 1999). Menurut Bikkhu (2014) ada seorang pengkaji (pensyarah) dari Universiti Songkla mengatakan bahawa orang Siam yang berada di Semerak adalah dari Selatan Laos. Hal ini merujuk kepada cara berpakaian, kehidupan, dialek bahasa Siam, contohnya perkataan 'seluar' Siam Tumpat menyebut 'kankeng' manakala Siam Semerak menyebut 'laplau'.

Sekarang ini wat tersebut telah dibina dengan bangunan baru tersebut dan diberi nama wat *Praphuttaksinmingmonggol*. Menurut Bikkhu (2014) di wat tersebut majoriti penganut Buddha Pasir Puteh datang ke wat berkenaan untuk urusan keagamaan, kematian, pendidikan dan sambutan festival. Mengikut pemerhatian pengkaji kawasan wat berkenaan semakin berkembang dari segi pembinaan kerana semasa kehadiran pengkaji ke lokasi berkenaan kawasan wat tersebut sedang dinaik taraf.

Selain itu, melalui pemerhatian pengkaji, perkembangan wat yang wujud di jajahan Pasir Puteh dilihat beroperasi dengan baik. Didapati wat berkenaan juga mempunyai sekolah khusus untuk penganut Buddha walaupun mereka sudah bersekolah di sekolah kebangsaan tetapi ibu bapa akan menghantar anak mereka ke sekolah yang ada di wat tersebut untuk

mempelajari ajaran Buddha, pelajaran akademik dan juga ceramah-ceramah yang diadakan oleh Bikkhu dalam wat berkenaan untuk masyarakat Buddha secara percuma. Di wat ini mempunyai 4 kelas, 2 kelas diajar oleh Bikkhu dan 2 kelas lagi diajar oleh guru yang mengajar secara sukarela.

Masyarakat di sini menjalankan pelbagai aktiviti keagamaan dan budaya untuk mengeratkan hubungan sesama penganut. Faktor kelompok yang kecil memudahkan penganut saling bekerjasama dan memahami antara satu sama lain. Di samping itu, Bikkhu memainkan peranan penting dalam kelompok masyarakat dan pentadbiran *sangha* yang sistematik menjadikan kehidupan beragama masyarakat Buddha semakin kuat.

Begitu juga faktor budaya memainkan peranan penting dalam masyarakat Siam. Antara aktiviti yang penganut lakukan adalah menyambut tahun baru, *songkang* (pesta air). Menurut *Bikkhu*, pesta air diadakan antara bulan 4 dan 5 setiap tahun, iaitu dengan mengumpulkan semua penganut Buddha di wat. Caranya ialah semua golongan tua di minta berbaring dalam keadaan berbaris, manakala golongan muda menyiram tangan orang tua yang berbaring. Selepas itu, golongan tua mendoakan golongan muda dan bermaaf-maafan antara keduanya.

Pengkaji melihat aktiviti ini memberi kesan positif terhadap hubungan persaudaraan dalam kalangan penganut Buddha. Secara tidak langsung aktiviti ini menanam sikap saling hormat menghormati antara golongan tua dan muda. Sedikit sebanyak Buddha memberi kesan di hati penganut walaupun aktiviti tersebut lebih kepada aspek moral dan masyarakat.

Selain itu juga, aktiviti membuat bunga teratai dan menghanyutkannya ke sungai Tok Bali bertujuan membuang sial. Menurut Bikkhu semasa melakukan aktiviti ini, penganut Buddha saling mengenali antara satu sama lain. Hubungan yang kuat antara Bikkhu dengan masyarakat setempat seperti penganut menjemput Bikkhu ke rumah penganut untuk menjalankan upacara sembahyang sekiranya penganut ingin membuat rumah baru dan majlis kenduri kahwin. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sesuai dengan pandangan Thich Nhat Hanh (1998) '*Right Action is closely linked with four (the first, second, third, and fifth) of the Five Mindfulness Trainings*'.

Hubungan yang akrab antara penganut dan Bikkhu menjadikan Buddha semakin kukuh dan berada dalam hati penganutnya. Oleh kerana itu, menurut Bikkhu (2014) faktor yang menyebabkan penganut Buddha komited terhadap Buddha adalah disebabkan keturunan. Ibu bapa yang melahirkan anaknya mempunyai pegangan dan kepercayaan yang kuat terhadap agamanya. Oleh kerana itu bilangan penganut semakin meningkat. Peningkatan bilangan penganut adalah disebabkan oleh faktor kelahiran bukan sebab pertukaran agama dari penganut lain. Ini kerana menurutnya tidak ada unsur-unsur agama Buddha disebarkan kepada penganut agama lain.

Ibu bapa juga mengajar anaknya supaya berbuat baik, jangan menghina ibu bapa dan jangan membunuh. Sikap yang diterapkan oleh ibu bapa terhadap anak-anak menjadikan penganut Buddha komited terhadap agama yang dianuti. Penganut semakin yakin dengan agama Buddha, namun pada masa yang sama menurut Bikkhu "Buddha berkata, sebelum hendak mempercayai sesuatu, jangan percaya kepada buku, jangan percaya kepada guru sebelum diuji". Selepas diuji barulah penganut tahu, perhati, pastikan asal usul sama ada betul atau tidak kerana ada sesetengah penganut *ta'asub* kepada guru. Katanya lagi 'cara hendak menguji sama ada guru itu benar atau pun tidak, kena melihat kepada keadaan dan situasi guru tersebut'.

Walaupun Buddha dilihat sederhana dan kelihatan tidak kisah dengan konsep sederhana sebagaimana yang difahami penganut Buddha namun begitu masih terdapat kriteria-kriteria yang perlu dilihat kepada guru yang mengajar tanpa mengikut ajaran yang diajar secara membuta tuli. Penganut perlu menganalisa ciri-ciri baik yang patut ada pada seorang guru.

Bentuk-bentuk Amalan dalam Ajaran Buddha

Antara bentuk-bentuk amalan yang terkandung dalam ajaran Buddha adalah seperti berikut:

i) Tidak Melakukan Kejahatan

Ajaran agama Buddha memberikan penekanan kepada perlakuan penganutnya. Matlamat agama ini adalah untuk membentuk penganutnya menjadi orang yang berdisiplin dan berperibadi mulia. Setiap penganut agama ini ditegah dari melakukan perbuatan yang dianggap boleh memudaratkan dirinya dan mengganggu ketenteraman masyarakat (Rogayah Estar 1999).

Dalam konteks ini, Buddha mengajar penganutnya supaya saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Dengan ini, dapat mengelakkan diri dari melakukan perkara-perkara yang mendatangkan huru-hara kepada diri dan masyarakat. Amalan ini dituntut agar dengan adanya perasaan hormat-menghormati melatih diri untuk mencapai keharmonian dan mengelakkan diri dari sifat marah, rasa ketakutan dan tidak bertoleransi. Hal ini kerana perasaan-perasaan ini lahir daripada perasaan dualistik yang wujud di dalam diri penganut.

ii) Membuat Kebaikan

Setelah penganut Buddha dilarang melakukan beberapa perkara yang boleh memudharatkan diri mereka dan mengganggu ketenteraman masyarakat sekitarnya, mereka juga disaran untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang baik. Perbuatan-perbuatan tersebut dianggap boleh mendatangkan natijah yang baik kepada pelakunya sama ada dalam kehidupan sekarang ataupun pada kelahiran-kelahiran yang akan datang sehingga mereka berjaya mencapai nirvana. Nirvana merupakan suatu keadaan di mana sesuatu makhluk berjaya melepaskan segala ikatan duniawi, mengetahui kebenaran, memperolehi kesedaran secara menyeluruh dan terpadam sama sekali api keinginan. Seseorang yang mencapai tahap ini dikatakan akan berada dalam keadaan bahagia, gembira dan merasai ketenangan yang berkekalan (Rogayah Estar 1999).

Di sini, kesedaran secara mendalam yang lahir dalam diri individu bahawa untuk mencapai kebahagiaan sebenar perlulah mengelakkan diri daripada eksploitasi, ketidakadilan sosial, merompak dan melakukan penindasan. Dengan mengawal minda, percakapan dan tindakan secara sederhana boleh melahirkan kebahagiaan dan mengurangkan penderitaan. Ini kerana penderitaan dan kebahagiaan adalah sesuatu yang tidak boleh dipisahkan.

iii) Menjernihkan pemikiran

Amalan utama dalam ajaran agama Buddha ialah meditasi yang dijalankan untuk menjernihkan pemikiran dari sebarang gangguan yang bersifat duniawi. Pemikiran merupakan objek yang amat penting kerana mengikut ajaran agama ini, segala tindak tanduk seseorang

berpunca dari pemikirannya. Sekiranya pemikiran mereka jernih serta memahami realiti kewujudan dan segala perkara yang ada di alam ini, mereka akan berjaya dalam kehidupan. Dan sekiranya mereka gagal memahami hakikat tersebut mereka akan sengsara dalam kehidupan ini dan terus mengalami proses Tanasukh al-Arwah (kelahiran semula) (Rogayah Estar 1999).

Untuk mencapai pemikiran yang jernih, penganut perlulah berusaha dengan penuh ketekunan untuk mewujudkan perasaan saling memahami, sayang-meyayangi yang merangkumi semua aspek termasuk membuang kemarahan, keganasan dan menipu diri sendiri dan orang lain.

Bagaimana Penganut Buddha Menterjemahkan Kesederhanaan Dalam Kehidupan

Menurut Bikkhu, masyarakat Buddha di Pasir Puteh tidak ada yang ingin mencari kemewahan. Penganut juga tidak mementingkan diri sendiri. Sekiranya masyarakat ingin membuat sesuatu perkara penganut hanya perlu meminta tolong sahaja tanpa perlu membayar upah. Penganut tidak tamak dengan harta benda. Walaupun demikian, masyarakat Buddha hidup harmoni tanpa kemewahan dan berjawatan tinggi.

Menurut pemerhatian pengkaji, penganut Buddha hidup dalam suasana yang sederhana kerana suasana persekitaran rumah-rumah penganut hanya rumah papan dan batu yang sederhana tanpa banglo mewah. Dapat diperhatikan bahawa penganut cuba menterjemahkan kesederhanaan dalam kehidupan harian mereka. Berikut adalah beberapa bentuk amalan yang dipraktikkan oleh penganut Buddha di Pasir Puteh:

i. Sembahyang

Responden menyatakan seperti sembahyang, Buddha tidak mewajibkan penganutnya sembahyang mengikut apa yang terkandung dalam ajaran Buddha bahkan penganut bebas melakukan sembahyang mengikut kehendak sendiri sama ada sembahyang sekali sehari, dua kali sehari atau pun seminggu sekali. Upacara sembahyang juga mudah, penganut hanya perlu bersumpah di hadapan patung bahawa tidak akan melakukan kejahatan, tidak akan membunuh, tidak akan berzina dan sebagainya bergantung pada '*sila*' (*panca sila*), '*atta sila*' dan *Samadhi* seseorang penganut. Di sini kita dapat melihat kefahaman tentang kesederhanaan amalan dalam Buddha yang dirasakan sederhana oleh masyarakat Buddha Pasir Puteh yang menganut Buddha antaranya sembahyang, puasa, meditasi, sedekah dan amalan-amalan lain. Berdasarkan temu bual dengan Bikkhu kesederhanaan pada perspektif Buddha adalah penganut diberi pilihan untuk memilih cara bersembahyang sama ada sekali sehari, dua kali sehari atau pun seminggu sekali.

ii. Puasa

Selain itu juga, cara berpuasa yang bermula tengah hari hingga pagi. Boleh berbuka selepas terbit fajar. Menurut Bikkhu beliau berpuasa sepanjang tahun tetapi boleh minum air dan makan sekiranya demam atau sakit.

iii. Meditasi

Meditasi pula diadakan seminggu sekali oleh golongan *Bikkhu*, mereka diajar cara berdikari, mengenang jasa ibu bapa dan sebagainya.

iv. Sedekah

Sedekah pula, terdiri dari Buddha, *dhamma* dan *sangha*. Contoh bagaimana mereka memberi sedekah (pemberian) adalah para *sangha* mengambil kitab Buddha mengajar orang kampung *dhamma*. Menjadi amalan *sangha* mengajar orang tua dan lelaki. *Sangha* juga menyampaikan derma kepada anak yatim. Setiap tahun *sangha* menghantar makanan untuk anak yatim ke Kota Bharu dan di Jabi, Jertih.

v. Khidmat Bikkhu

Bikkhu juga, mengadakan kaunseling dengan menjelaskan idea-idea tentang agama ketika penganut hendak keluar bekerja dan belajar. Ini bertujuan untuk memberi semangat kepada pelajar. Selain itu, kaunseling diberi kepada penganut yang mempunyai masalah keluarga ataupun peniaga yang bankrap. Dalam konteks ini, Bikkhu memainkan peranan penting dalam menyebarkan ajaran Buddha supaya masyarakat dapat memahami dengan jelas ajaran dan moral yang ada di dalam Buddha. Manakala menurut penganut biasa, Buddha mengajar penganutnya melakukan perkara-perkara baik. Contohnya, sekiranya penganut Buddha sembahyang akan merasa tenang dan kalau tidak sembahyang, tidurnya akan mengalami mimpi yang pelik-pelik.

Fenomena ini, menunjukkan bahawa sederhana merujuk kepada amalan harian yang dilakukan Bikkhu dan penganut. Kenyataan ini, tidak jauh berbeza dengan pandangan Buddha yang mengesyorkan penganutnya beramal dengan mengambil jalan tengah. Menurut Ahmad Shalaby (1970) Buddha mengatakan "Amalanku ialah milikku, amalanku ialah pusakaku, amalanku ialah rahim yang menatanku, amalanku ialah jenis yang aku bergabung dengannya dan amalanku ialah tempat perlindunganku".

Merujuk kepada situasi ini, adakah kesederhanaan dalam amalan ritual pada pandangan masyarakat Buddha tidak memberi kesan kepada konsep memberi pahala (*thambun*) dalam ajaran Buddha? Menurut Bikkhu konsep dosa dan pahala memberi kesan kepada individu bergantung pada amalan individu. Sekiranya penganut melanggar ajaran dan syiar yang digariskan penganut tetap berdosa begitulah sebaliknya, sekiranya melakukan kebaikan akan mendapat pahala.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya kesederhanaan menurut Buddha dan amalan yang dilaksanakan oleh masyarakat Buddha tidak jauh berbeza dengan apa yang diajarkan oleh Buddha, iaitu mengambil jalan tengah dalam semua perkara. Pada pandangan pengkaji apa yang digariskan dalam ajaran Buddha tidak relevan dengan kehendak sesebuah ajaran yang berpaksikan agama kerana kehendak dan kemahuan manusia banyak berlandaskan nafsu secara tabi'inya. Justeru itu, mengikut pengamatan pengkaji berkemungkinan besar penganut tidak melaksanakan amalan dengan sebaik mungkin walaupun ajaran Buddha banyak memberi pilihan kepada penganutnya iaitu '*The Middle Way In Buddhism*'. Merujuk kepada kajian yang dibuat pengkaji mendapati walaupun banyak pilihan yang diberi kepada penganut namun dari segi penghayatan adalah kurang ditonjolkan oleh penganut berdasarkan kepada kenyataan Bikkhu hanya antara 70 hingga 80 orang sahaja yang kerap datang ke wat untuk menjalankan upacara sembahyang setiap minggu. Kategori penganut yang kerap menghadiri upacara sembahyang terdiri daripada warga tua manakala yang selebihnya datang secara

kadang-kadang dan juga tidak datang langsung ke wat. Kesimpulannya, pengkaji melihat walaupun konsep 'kesederhanaan' yang diterjemahkan oleh penganut Buddha dan tentang apa sahaja yang diajarkan oleh Buddha bilangan penganut yang mengamalkan ajarannya adalah sedikit. Ini bermakna tahap penghayatan terhadap konsep sederhana kurang diaplikasikan dalam kehidupan walaupun penganut mempunyai pilihan dalam mengamalkan ajaran mereka.

Rujukan

- Ahmad Shalby. 1970 . *Agama-agama yang terbesar di India (Hindu-Jaina-Buddha)* Terj. Muhammad Labib. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ajaran Buddha. <http://www.dhammadata.com/index2.htm/>.28.Mac 2014.
- Asal Usul Orang Siam Di Kelantan. <http://panduan.percuma.info/info/3564/asal-usul-orang-siam-di-kelantan/>.4 Mac 2014
- Azyati Azhani Mohd Mazuki, Wan Kamal Mujani, Azmi Aziz. 2013 . Aplikasi Konsep Wasatiyyah Dalam Pembentukan Piagam Madinah. *International Journal of West Asian Studies*. Vol. 5 No 2, hlm.1-15/. 23 Mei 2014
- Chua Yan Piaw. 2014. *Asas Statistik Penyelidikan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Mac Graw Hill.
- Daisaku Ikeda. 1976 . *The living Buddha*. Terj.Burton Watson. America: Weatherhill.
- Jumlah penduduk mengikut etnik, kawasan pihak berkuasa tempatan dan negeri, Malaysia, 2010. <http://www.statistics.gov.my/>. 28.Mac 2014.
- Laman Web Rasmi Majlis Daerah Pasir Puteh. <http://www.mdpputeh.gov.my/>.5. Mac 2014
- Manum A/L Ehrap. *Kepercayaan Agama Buddha: Masyarakat Siam Pasir Puteh Kelantan*. Temu bual, 10 April dan 24 Mei 2014
- Mohamed Yusoff Ismail. 1996. Pengaruh Siam dan Buddha Terhadap Sistem Kepercayaan Tradisional Orang Melayu Kelantan. *Akademika* 49 (Julai). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 23-37
- Mohamed Yusoff Ismail. 2006 . Buddhism In A Muslim State: Theravada practices and religious life in Kelantan. *Jurnal e-Bangi*. Vol 1, No 1, hal 321-336
- Mohd. Gaddafi Ibrahim. 2005. *Amalan dan kegiatan masyarakat Buddha: Kajian kes di jajahan Pasir Mas, Kelantan*. Disertasi, Jabatan Usuluddin, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Noresah Baharom. 2007 . *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noss. Davids. 1999 . *A History of the World's Religious*. New Jersey: Person Education.
- Rabihah Mohd. Ghazali.1999. *Buddhisme di Malaysia: Kajian kes ke atas masyarakat Buddha di Jajahan Tumpat, Kelantan*. Disertasi, Jabatan Usuluddin Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Rogayah Estar Mohamad. 1999. *Ajaran dan kepercayaan agama Buddha: Satu kajian khusus terhadap masyarakat Siam di Kelantan*. Disertasi, Jabatan Usuluddin, Universiti Malaya.
- Thich Nhat Hanh. 1998 . *The Heart of the Buddha's Teaching*, Berkeley Calif: Parallax Press.
- Thich Nhat Hanh. *The Five Mindfulness Trainings*. <http://plumvillage.org/mindfulness-practice/the-5-mindfulness-trainings/>
- Utusan Malaysia. 2010. 24 Disember
- What is middle way? Buddha. <http://themiddleway.net>
- Yonea Ishii. 1993 . *Sejarah Sangha Thai hubungan Buddhisme*. Terj. Mohamad Yusoff Ismail. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.